


BAB 3 : ISI RUMAH SEBAGAI PENGGUNA

SPM2004/A/S3


(a) Rajah 2 ialah keluk permintaan barang X.



Rajah 2

Terangkan maksud perubahan dalam kuantiti diminta bagi barang itu. [4 markah]

(b) Rajah 3 ialah keluk permintaan perabot tempatan pada tahun 2003.



Rajah 3

- (i) Apakah yang ditunjukkan oleh peralihan keluk D_0D_0 ke D_1D_1 ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan mengapa berlaku perubahan permintaan itu? [8 markah]

(c) Jadual 1 menunjukkan kuantiti diminta dan harga bagi tiga jenis barang, K,M, dan N.

Jenis Barang	Perubahan Kuantiti Diminta (%)	Perubahan Harga (%)
K	45	30
M	15	15
N	20	40

- (i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap barang itu. [3 markah]
- (ii) Terangkan strategi yang boleh diambil untuk memaksimumkan keuntungan setiap barang itu. [9 markah]

SPM2005/A/S3

(a) Berikut adalah perbualan antara seorang ibu dan anak.



- (i) Terangkan peranan unit ekonomi yang terdapat dalam perbualan itu. [5 markah]
- (ii) Mengapakah ibu mementingkan beras berbanding anak patung? [4 markah]

SPM2006/A/S2

(a) Jadual 1 menunjukkan permintaan terhadap sesuatu barang.


Harga (RM)	Kuantiti (Unit)
1	60
2	40
3	20

- (i) Lukis keluk permintaan barang. [4 markah]
(Gunakan skala 2cm : 1 unit pada paksi harga dan 2cm : 20 unit pada paksi kuantiti)
- (ii) Jelaskan hukum permintaan di 2(a)(i). [4 markah]

(b) Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi permintaan. [6 markah]


SPM2007/A/S3

(a) Rajah 1 menunjukkan peralihan keluk permintaan kopi.



Terangkan tiga faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut. [6 markah]

(b) Situasi 1 dan Situasi 2 berkaitan dengan jual beli buah durian antara Ali dan Pak Mat.



Situasi 1



Situasi 2

(i) Hitungkan keanjalan harga permintaan buah durian apabila harga meningkat. [2 markah]

Gunakan rumus:

$$\text{Keanjalan Harga Permintaan} = \frac{\text{Peratus Perubahan Kuantiti}}{\text{Peratus Perubahan Harga}}$$

(ii) Tafsirkan jenis keanjalan harga permintaan buah durian. [3 markah]

SPM2008/A/S3

- (a) Bezakan Keanjalan Harga Permintaan Anjal dengan Keanjalan Harga Permintaan Tak Anjal. [4 markah]